

NUR AQILAH BIDIK REKOD KEBANGSAAN

25 Julai 2016 12:13 AM

Utusan Malaysia.



NUR AQILAH YUSOF (tengah) diraikan rakan sepasukan selepas memenangi emas recurve 70m wanita bersama rekod kebangsaan di Unimas, Kota Samarahan semalam.

KUCHING 24 Julai – Keputusan Nur Aqilah Yusof untuk menolak tawaran menyertai skuad kebangsaan pada awal tahun ini akhirnya memberi pulangan besar apabila dia memecah rekod kebangsaan dalam acara memanah recurve wanita 70 meter.

Penuntut tingkatan lima itu bukan sahaja berjaya memecah rekod kebangsaan, malah memenangi dua pingat emas buat Terengganu dalam Sukan Malaysia (Sukma) 2016.

Dia sebelum ini turut memenangi emas dalam acara recurve 60m.

Dalam aksi di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Kota Samarahan itu, bidikan tepat Nur Aqilah, 17, membolehkannya mengumpul 331 mata.

Dia memecah rekod lama - 328 mata yang dikongsi bersama oleh Mon Radee, Sharmani Ganesan dan Aliya Ghapar.

Kali terakhir catatan 328 mata itu dilakukan ialah menerusi Aliya Ghapar pada Kejohanan Remaja Kebangsaan 2014 di Universiti Utara Malaysia, Perlis.

“Saya cuma beri tumpuan untuk melakukan panahan, seperti mana yang saya lakukan dalam latihan. Saya tak fikir langsung tentang pingat. Alhamdulillah dapat emas,” katanya.

Nur Aqilah menambah, dia hanya bersedia mempertimbangkan tawaran menyertai skuad kebangsaan sebaik sahaja Sukma berakhir.

“Sebelum ini saya hanya mahu memberi tumpuan kepada pasukan Terengganu dan persekolahan kerana saya bakal menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada hujung tahun ini,” katanya.

Pingat perak menjadi milik, Farah Amalina Azhar dari Kedah (320 mata) dan pemanah Negeri Sembilan, Nur Afisa Abd. Halil meraih gangsa (309 mata).

Tujuh rekod Sukma turut mewarnai saingan memanah hari ini, masing-masing dalam acara 90m compound lelaki, 70m compound wanita, 70m recurve wanita, 90m recurve lelaki dan 60m compound wanita.

Selain Nur Aqilah, Wong Co Wan dari Sabah (330 mata) turut berjaya memecah rekod temasya dalam 90m compound lelaki.

Pemanah Sarawak, Kho Yee Ting (342 mata), Muhammad Ikram Joni dari Kelantan (310 mata), atlet Selangor, Muhammad Ikram Zaidi (294 mata) dan Azuanis Abdullah dari Kelantan (326 mata) juga menjadi pemecah rekod.

Ikram Joni yang meraih emas, manakala Ikram Zaidi memperoleh pingat perak memecah rekod Sukma ketika kedua-duanya bersaing dalam acara akhir recurve 90m lelaki.

Azuanis turut memecah rekod Sukma sekalipun sekadar memenangi perak ketika beraksi dalam 60m compound wanita bersama Nur Aqilah yang menggondol emas keduanya.